



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

TEKS UCAPAN KATA ALUAN

**LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK A.M.N, P.K
PENGARAH
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

SEMPENA:

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MTS SESI 1 2025/2026
DAN PELUNCURAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN
DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2025**

TARIKH:

1 OGOS 2025

TEMPAT:

DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA.

Terima kasih diucapkan kepada pengerusi majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat.

Salam PMM Warriors.

SALUTASI

Ybrs. Dr. Zamzam Mohd Walid

Pengarah Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
(JPPKK)

YBrs. Faridatuljana Binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik)

YBrs. Ts Zan Aizuwan Bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Ketua-ketua Jabatan,

Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Sesi 2025/2026,

Barisan kepimpinan Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 2025/2026,

Seterusnya, pelajar-pelajar baharu Politeknik Merlimau, Melaka yang saya kasihi
sekalian.

UCAPAN

1. Terlebih dahulu marilah bersama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang mulia ini untuk menjayakan satu program penting, iaitu **Majlis Perasmian Penutup Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 2025/2026 dan Peluncuran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025 di Politeknik Merlimau, Melaka** pada hari ini.

2. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk merakamkan ucapan tahniah, di atas kejayaan pelajar-pelajar baharu yang terpilih untuk menyambung pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi, khususnya di Politeknik Merlimau, Melaka. Sehingga 1 Ogos 2025, kemasukan pelajar baru **Asasi dan Diploma Sesi 1 2025/2026** adalah seramai **1,331 orang** iaitu:

- **101 orang adalah pelajar Asasi**

- **1230 orang adalah pelajar Diploma**

Pelajar-pelajar ini kebanyakannya daripada pelajar lepasan SPM aliran Kemanusiaan adalah sebanyak 67% manakala daripada aliran STEM adalah sebanyak 33%.

Menariknya, Politeknik Merlimau juga menerima 4 pasangan kembar sebagai warga pelajar PMM yang baharu pada sesi pendaftaran kali ini.

3. Program Minggu Transformasi Siswa yang dianjurkan oleh Politeknik Merlimau pada setiap tahun mempunyai falsafah yang perlu dihayati oleh setiap pelajar baharu. Program ini adalah laluan pertama bagi pelajar baharu sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada komuniti gedung ilmu. Ini kerana, pengharapan warga Politeknik Merlimau terhadap kehidupan para pelajar di sini adalah digarap melalui pelaksanaan Program Minggu Transformasi Siswa supaya seiring dengan nilai dan budaya Institusi Pengajian Tinggi agar bersesuaian dengan keperluan pelajar dan seterusnya mengikuti program pengajian di Politeknik Merlimau dengan yakin dan jayanya.

4. Pelajar baharu yang menjejakkan kaki ke Politeknik Merlimau membawa bersama kepelbagaian latar belakang, sifat, fahaman, harapan dan pengalaman. Ianya merupakan aset penting yang dapat menyatupadukan semua warga, memupuk rasa

saling memahami dan sikap toleransi yang boleh terarah kepada sumber kekuatan untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu.

5. Maka dengan itulah, program Minggu Transformasi Siswa ini dirancang pengisiannya penuh dengan elemen kemesraan dan saling menghormati supaya ia dapat mencetuskan motivasi, semangat dan daya saing positif ke arah mencapai kecemerlangan akademik. Di sepanjang program berlangsung, barisan urusetia dan fasilitator Minggu Transformasi Siswa yang telah kita latih bersedia membantu pelajar baharu mengenali dan menyesuaikan diri akan kehidupan di alam kampus. Dapatkanlah bimbingan dan panduan dari fasilitator, bertanyalah apa juga kemusykilan berhubung perjalanan, pembelajaran dan sebagainya.

6. Anda merupakan insan terpilih yang berjaya mendapat tempat di antara 1,331 kekosongan untuk belajar di Politeknik Merlimau bagi sesi 1 2025/2026 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas sekali lagi di atas kejayaan saudara dan saudari. Namun ini hanyalah langkah pertama ke arah membina kerjaya anda semua. Banyak lagi ranjau duri dan onak yang perlu anda harungi sebelum anda dapat menggengam segulung diploma di tangan. InsyaAllah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kejayaan tidak akan datang bergolek, jadi berusaha lah sehabis baik.

7. Sedari saya berkhidmat di Politeknik Merlimau ini saya ingin menyeru kepada para pelajar untuk mengaplikasikan slogan kita iaitu "PMM Warriors". Secara rasminya, slogan "PMM Warriors" ini merupakan anjakan paradigma baharu serta menjadi "turning point" bagi membawa Politeknik Merlimau tampil dengan wajah yang lebih tangkas dan bahaduri dalam pelbagai bidang. Ini telah menzahirkan semangat kepahlawanan antara para pelajar yang mana bersungguh-sungguh dalam mengharumkan nama Politeknik Merlimau ini. Saingan yang sihat inilah yang saya mahukan dan maksudkan di samping dapat mengeratkan lagi kebersamaan dan ukhwah antara para pelajar. Saya amat berharap, para pelajar dapat mengaplikasikan slogan ini dengan penuh semangat demi Politeknik kita.

Hadirin dan Hadirat Sekalian.

8. Tidak lupa juga dengan Peluncuran Bulan Kelangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada tahun ini yang membawa tema Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni. Ingatlah bahawa kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati kini diperoleh hasil

perjuangan pemimpin terdahulu yang begitu mahal harganya. Berbeza dengan sesetengah negara lain, pemimpin-pemimpin kita memilih jalan diplomasi sebagai acuan perjuangan kemerdekaan Malaysia. Dalam konteks ini, Bapa Kemerdekaan kita, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah menegaskan dalam satu ucapannya bahawa, “kita menghargai makanan bukan peluru; pakaian bukan uniform; dan rumah bukan berek”.

9. Kenyataan ini menunjukkan betapa Hari Kebangsaan ini adalah mengenai keamanan, lantas tindak-tanduk yang bertentangan terhadap semangat itu merupakan satu pengkhianatan terhadap negara. Peluncuran ini merupakan sebahagian daripada komitmen PMM untuk memberi pencerahan serta semangat patriotik kepada warganya untuk lebih menghargai nilai kebebasan tanah air.

10. Apatah lagi, peluncuran ini berlangsung semasa Minggu Transformasi Siswa di hadapan 1331 orang mahasiswa baharu Politeknik Merlimau bagi Sesi 1 2025/2026. Kesedaran yang disuntik di peringkat awal ini akan memberikan penghayatan bahawa masih banyak hutang budi yang perlu dilunaskan kembali kepada tanah air sepanjang dan sesudah pengajian anda semua di Politeknik ini.

PENUTUP

11. Sekali lagi saya ingin merakamkan sekalung penghargaan atas kehadiran Dr Zam Zam Mohd Walid atas kesudian hadir pada harini ini sebagai perasmi, juga ribuan terima kasih buat semua semua warga Politeknik Merlimau Melaka yang terlibat kerana sudi meluangkan masa untuk majlis pada hari ini.

12. Kepada Jawatankuasa Pelaksana Minggu Transformasi Siswa, Fasilitator dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Syabas dan terima kasih atas usaha anda semua untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar. Istimewa kepada semua mahasiswa baru, saya doakan semoga terus sukses sepanjang pengajian anda di Politeknik Merlimau Melaka ini. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasamualaikum wbt.